



**KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD SECURITY**

Aras 15, Wisma Tani
No 28, Persiaran Perdana, Presint 4
62624 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

Telefon: 603 8870 1013
Faks : 603 8888 0181

Ruj. Kami: MOA.400-10/7/4 Jld 2 ()
Tarikh : 14 September 2023

SEPERTI SENARA! EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL BIL. 1 TAHUN 2023, PENGURUSAN PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah membangunkan Arahan Pegawai Pengawal Bil. 1 Tahun 2023 Pengurusan Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan, KPKM berdasarkan kepada peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa dengan mengambil kira Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) dan penstrukturan pekeliling perolehan Kerajaan yang baru ekoran pelaksanaan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership - CPTPP*) yang berkuat kuasa mulai 29 November 2022.

3. Sehubungan dengan itu YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan dimohon untuk memastikan semua warga KPKM di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan merujuk kepada Arahan Pegawai Pengawal Bil. 1 Tahun 2023 ini dalam menguruskan perolehan Kerajaan.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Salam Hormat,


(LOKMAN HAKIM ALI)

